

Premis makanan jijik, meloyakan diarah tutup

Kuala Lumpur: Keadaan sebuah premis makanan dalam keadaan menjijikkan dan meloyakan diarah tutup selepas diperiksa dalam Operasi Bersepadu Bersih di sekitar ibu negara di sini, kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, sebanyak 88 premis diperiksa di Mid Valley Megamall, Jalan Hujan Emas, Jalan Hujan Rahmat, Jalan Metro Pudu, Mitshui Shopping Park Lalaport dan Sunway Putra Mall.

“Berdasarkan hasil pemeriksaan itu, sebuah premis dikenakan tindakan

arahan penutupan mengikut Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

“Sebanyak 69 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut DBKL, pelbagai kesalahan yang dikesan membabitkan aspek kebersihan, petugas serta persekitaran premis.